

## Pemahaman Interaksi Lisan dalam Pengajaran Pensyarah Kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru

*Oral Comprehension Interactions in Teaching Course Lecturer in Malay Teachers Institute of Education*

**Zarien Nurliyana Aminuddin<sup>1</sup>, Azhar Md. Sabil<sup>1</sup>, Abdul Rasid Jamian<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

<sup>1</sup>eizliyana@gmail.com, <sup>2</sup>azhar.sabil@upm.edu.my, <sup>3</sup>rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my

**Published:** 30 December 2022

**To cite this article (APA):** Aminuddin, Z. N., Md. Sabil, A., & Jamian, A. R. (2021). Pemahaman Interaksi Lisan dalam Pengajaran Pensyarah Kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru: Oral Comprehension Interactions in Teaching Course Lecturer in Malay Teachers Institute of Education. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(2), 12–21. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.2.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.2.2022>

### **ABSTRAK**

Penguasaan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah di bilik kuliah merupakan satu proses penyampaian ilmu pengajaran yang berlaku secara dua hala. Interaksi lisan menjadi medium utama memindahkan ilmu pengetahuan dan kefahaman dalam pelbagai konteks pengajaran. Kajian ini membincangkan tentang pemahaman dan merumuskan teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan Roselan Baki (2003). Teknik teknik interaksi lisan Roselan Baki (2003) mempunyai sembilan pendekatan yang boleh menjadi amalan pengajaran iaitu penerangan, penyoalan, kawalan, penggiliran, pengulangan, arahan, pencungkilan idea, perbincangan dan penilaian. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk pendekatan kualitatif dengan mengkaji satu kes pelbagai tempat dengan melibatkan empat orang pensyarah kursus Bahasa Melayu Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai informan kajian. Teknik persampelan bertujuan dengan beberapa kriteria tertentu sebagai pemilihan sampel yang bersesuaian dalam kajian ini. Pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur secara mendalam. Protokol temu bual mengandungi dua konstruk kajian yang penting dengan meneroka amalan dan teknik interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah. Pengkaji menggunakan alat perisian NVIVO 12 untuk menganalisis data mengikut tema dapatan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik interaksi lisan sememangnya menjadi amalan dalam pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah bahasa Melayu. Kepelbagaiannya penggunaan teknik interaksi lisan pensyarah menjadi amalan terbaik dan melahirkan kemenjadian graduan berkualiti di institusi pendidikan. Oleh itu, kepelbagaiannya dan kreativiti seorang pensyarah dapat menghasilkan pendekatan, kaedah, kemahiran, teknik dan aktiviti pengajaran yang menarik minat pelajar.

**Kata kunci:** Interaksi Lisan, Penyampaian Pengajaran, Pendekatan Pengajaran, Amalan Pengajaran, Komunikasi

### **ABSTRACT**

*The mastery of oral interaction in the teaching and learning of lecturers in the lecture room is a two-way process of imparting teaching knowledge. Oral interaction becomes the primary medium of transferring knowledge and understanding in a variety of teaching contexts. This study discusses the technique of verbal interaction and analyze verbal interaction techniques in teaching Malay language using Roselan Balance (2003). Roselan Baki's (2003) verbal interaction technique has nine approaches that can be a teaching practice namely description, questioning, control, rotation, repetition, instruction, idea elimination, discussion and evaluation. This study*

*applies qualitative approach to design by studying the various cases involving four lecturers Malay Language courses Institute of Teacher Education as an informant study. The sampling technique aims with some specific criteria as the selection of the appropriate sample in this study. The data collection of this study used semi – structured in –depth interview method. The interview protocol contained two important research constructs by exploring the practices and techniques of oral interaction in lecturer teaching. Researchers used NVIVO 12 software tools to analyze the data according to the theme of the study findings. The findings indicate that certainly oral interaction techniques into practice in teaching and learning by lecturers Malay. The diversity of the use of verbal interaction techniques by lecturers is a best practice and produces quality graduates in educational institutions. Thus, the diversity and creativity of a lecturer can produce approaches, methods, skills, techniques and teaching activities that interest students.*

**Keywords:** Oral Interaction, Teaching Delivery, Teaching Approach, Teaching Practice, Communication

## **PENGENALAN**

Sistem pendidikan merupakan mekanisme yang penting demi pembangunan serta kemajuan masyarakat. Bagi memastikan pendidikan yang dilaksanakan memberi keberkesana kepada pelajar, para guru dan masyarakat, penyampaian ilmu serta perpindahan ilmu perlu berlaku secara maksimum selaras dengan melahirkan insan berjaya. (Nor Aishah Abdul Aziz, Mohd Zolkifli Abd Hamid, Ismail Saliyan & Nurul Izzati Mohd Fuad, 2013). Selain itu juga, komunikasi dalam bahasa Melayu perlu terjana secara langsung supaya menjadi sumber ilmu yang membolehkan maklumat diterima oleh pelajar dapat dicetuskan sebagai ilmu sepanjang hayat. Penyampaian lisan secara umumnya merupakan ujaran seseorang untuk menyampaikan segala sesuatu yang dapat didengar dengan menggunakan bahasa. Interaksi lisan bersifat dua hala antara guru dengan pelajar agar dapat mengatasi masalah interaksi lisan yang masih bersifat sehala dan berpusatkan guru. Penyampai maklumat dan penerima maklumat yang terlibat mengenali dan mengetahui kata-kata yang diucapkan dan mengelompokkan di dalam kalimat (Rozita Radhiah Said, 2017) dan akhirnya memahami interpretasi dari kata-kata tersebut dalam konteks keadaan penggunaan (Roselan Baki, 2000).

## **PENYATAAN MASALAH**

Fokus utama dalam kajian ini adalah membincangkan aspek interaksi lisan pensyarah bahasa Melayu di IPG. Pengkaji mendapati masih kurang dibincangkan secara menyeluruh teknik interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah di peringkat IPG . Tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat banyak kajian tentang interaksi lisan dalam aspek komunikasi interpersonal dan komunikasi lisan serta bukan lisan yang dikaji oleh Mohd Nasri Abdullah (2017), Nurul Jamilah Rani, Nur'Aina & Nursyamimi Harun (2017) dan Mustapha Kamal & Ahmad Kassim (2015), Tay Mey Guat (2013), Maifuza, Aziz & Siti Sumaziana, (2011), Muhamad Shahabudin, Nor Shafrin, Fadzilah & Rahimi (2009), M. Al-Muz-Zammil & Jusoh (2002), Siti 'Aisyah (1997) terhadap kumpulan sasaran seperti pelajar universiti dari aspek suara, kejelasan dan kesesuaian bahasa, komunikasi bukan lisan, menerang dan menunjuk cara, unsur kecindan.Terdapat banyak kajian interaksi lisan di peringkat sekolah pula yang dijalankan oleh Ghazali Lateh & Shamsudin Othman (2014), Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Sufiza Ishak (2013), Zamri Mahmood & Noor Razah Lim (2011), Ghazali Lateh (2007), Seman Salleh (2005) dan Roselan Baki (2003) menunjukkan bahawa interaksi lisan berlaku dalam aktiviti melibatkan antara guru dengan murid di bilik darjah. Kajian interaksi lisan banyak menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengukur tahap penguasaan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lepas yang menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengukur tahap interaksi lisan dikaji oleh Ghazali Lateh & Shamsudin Othman (2014), Nor Asliza Abdul Rahim & Normaliza Abd Rahim (2013) dan Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Sufiza Ishak (2013) menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi lisan terhadap interaksi lisan masih berada pada tahap sederhana. Kajian yang dijalankan dengan pendekatan kualitatif dijalankan oleh Zamri Mahmood & Noor Razah Lim (2011), Ghazali Lateh (2007),Seman Salleh (2005) dan Roselan Baki (2003). Begitu juga dengan kajian secara kualitatif oleh Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman (2009) tentang kemahiran

komunikasi di universiti mendapati bahawa bakal guru masih mengalami kesukaran menyebut dengan lancar dan terbatas dengan intonasi dan suara yang tidak menarik. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan dapatan kajian ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Melalui kajian ini, terdapat dua objektif kajian yang dikaji iaitu:

- i. Membincangkan pemahaman pensyarah terhadap teknik interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah kursus bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru.
- ii. Merumuskan pemahaman teknik interaksi lisan pengajaran pensyarah kursus bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Pengajaran di Institut Pendidikan Guru**

Pengajaran bererti memberi penyampaian ilmu kepada pelajar dan berkongsi pengetahuan. Pengajaran dapat menyediakan pengetahuan dan kemahiran untuk berfungsi dengan baik (Noriaty Abdul Rashid et.al 2012: 24). Selain itu, pengajaran merupakan amalan penyampaian ilmu yang betul, tepat dan sesuai bagi menyusun segala maklumat dalam penyampaian berinteraksi bersama dengan pelajar (Baharuddin Aris, Rio & Manimegalai 2002).

Seorang pensyarah perlu bersiap sedia dengan kreativiti pengajaran semasa dalam kuliah. Teknik pengajaran yang baik dapat meningkatkan penyertaan pelajar, menggalakkan minat, menyerlahkan bakat, dan berkongsi pengetahuan yang sedia ada dalam berinteraksi semasa menjalankan aktiviti PdP (Mahzan Arshad 2016). Seseorang pensyarah bukan sahaja perlu membuat persediaan dari segi rancangan pelajaran dan alat bantu mengajar, malah pengajaran perlu mewujudkan komunikasi yang berkesan untuk menarik perhatian pelajar. Jika tidak, pengajaran ketika itu akan menyebabkan pelajar bosan dan kurang fokus semasa proses pengajaran. Penyampaian lisan yang baik dalam proses PdP dapat meningkatkan keupayaan lisan dan penguasaannya seperti intonasi, sebutan, nada, kejelasan dan interaksi antara pensyarah dan pelajar. Seorang guru yang mahir dalam pengajaran perlu menguasai kemahiran bahasa dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bahasa Melayu (Rozita Radhiah & Abdul Rasid Jamian, 2018). Oleh itu, pengajaran pensyarah bahasa di peringkat pengajian tinggi memerlukan kreativiti dan pendekatan pengajaran kemahiran lisan.

IPG di Malaysia bermula sebagai Pusat Latihan Perguruan. Latihan Perguruan di Tanah Melayu bermula sekitar tahun 1878 dengan tertubuhnya Pusat Latihan Guru Melayu, Singapura di istana lama kepunyaan Sultan Johor di Teluk Belanga. Pusat Latihan Guru Melayu (PLGM) di Singapura pada tahun 1895 ditutup setelah 17 tahun melatih para guru. PLGM ditubuhkan di Taiping Perak dan dikenali sebagai Sekolah Latihan Perguruan pada Mei 1898. Kewujudan Maktab Perguruan Melayu ditubuhkan di Matang Perak pada 11 Oktober 1913. Seterusnya, pusat latihan dipindahkan ke Sultan Idris Training College (SITC) pada November 1922.

Pendidikan di Maktab Perguruan Melayu bermula pada abad ke-19. Terdapat usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara berdasarkan Jawatankuasa Pelajaran (1956), ditubuhkan untuk mencari pendekatan yang sesuai berhubung kait dengan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam pengajaran.

*Kedua, sebuah Institusi Bahasa hendaklah ditubuhkan untuk melatih guru-guru Bahasa Melayu dan membuat penyelidikan ke atas pengajaran Bahasa Melayu memperlihat kemajuan.*

(Jawatankuasa Pelajaran, 1956)

Selain itu, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Tanah Melayu Ketiga yang diadakan di Universiti Malaya pada 16 hingga 21 September 1956 telah meluluskan beberapa rumusan tentang penggunaan Bahasa Melayu dalam pendidikan.

*.... supaya bahasa Melayu mulai diansurkan menjadi bahasa pengantar dalam universiti di Tanah Melayu ini terutamanya dalam pelajaran dan pengajian.*

Peranan ini secara jelas menetapkan kefasihan berbahasa dan kecekapan berkomunikasi sebagai matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (Mohd Asri & Zulkifley, 2014). Beliau berpandangan bahawa pendidikan bahasa Melayu secara menyeluruh dapat memberi pengetahuan bahasa dan mewujudkan perpaduan yang utuh.

Dalam kajian ini, pengajaran mempunyai prinsip pengajaran iaitu; kaedah, strategi, pendekatan dan teknik bagi menyampaikan ilmu pengajaran dalam penyampaian interaksi lisan pensyarah. Selain itu, pengajaran menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajar untuk melahirkan kemenjadian pelajar yang berjaya dalam sebuah organisasi.

### **Interaksi Lisan dalam Pengajaran Pensyarah**

Interaksi lisan menjadi medium perantara guru dengan murid atau pensyarah dengan pelajar yang melibatkan interaksi dua hala. Dalam konteks pengajaran, guru berinteraksi dengan murid dengan cara memberi penjelasan, menyoal, meneguh, menegur, mengarah, menghampiri dan sebagai (Mohd Khairuddin *et.al*, 2014). Penguasaan interaksi lisan berlaku secara semula jadi (Stubbs, 1930, Roselan Baki, 2003). Hal ini dapat dikenal pasti apabila pensyarah mampu berinteraksi dengan baik dengan pelajar dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran.

Selain itu, penguasaan interaksi lisan bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat pengajaran namun dapat membina dan mengekalkan hubungan, mempengaruhi dan memujuk, menceritakan sesuatu, bertanyakan soalan, memberi maklumat dan menganalisis (Roselan Baki, 2003). Beliau turut menyatakan bahawa, interaksi lisan yang efektif bukan sahaja dapat membantu menyelesaikan masalah malahan dapat membantu dalam memperbaiki hubungan dalam berkomunikasi.

Seorang pensyarah perlu bersiap sedia dengan kreativiti pengajaran semasa dalam kuliah. Teknik pengajaran yang baik dapat meningkatkan penyertaan pelajar, menggalakkan minat, menyerlahkan bakat, dan berkongsi pengetahuan yang sedia ada dalam berinteraksi semasa menjalankan aktiviti PdP (Mahzan Arshad, 2016). Seseorang pensyarah bukan sahaja perlu membuat persediaan dari segi rancangan pelajaran dan alat bantu mengajar, malah pengajaran perlu mewujudkan komunikasi yang berkesan untuk menarik perhatian pelajar. Jika tidak, pengajaran ketika itu akan menyebabkan pelajar bosan dan kurang fokus semasa proses pengajaran. Penyampaian lisan yang baik dalam proses PdP dapat meningkatkan keupayaan lisan dan penguasaannya seperti intonasi, sebutan, nada, kejelasan dan interaksi antara pensyarah dan pelajar. Seorang guru yang mahir dalam pengajaran perlu menguasai kemahiran bahasa dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bahasa Melayu (Rozita Radhiah & Abdul Rasid Jamian, 2018). Oleh itu, pengajaran pensyarah bahasa di peringkat pengajian tinggi memerlukan kreativiti dan pendekatan pengajaran kemahiran lisan.

Dalam pengajaran bahasa Melayu, kemahiran interaksi lisan menjadi wardah perhubungan dengan pelajar dalam penyampaian ilmu. Interaksi lisan dalam pengajaran menjadi medium pengajaran kerana

dikenali sebagai penyampaian ilmu yang utama melalui lisan. Keupayaan pensyarah dalam menyampaikan pengajaran secara baik dengan lisan mempengaruhi kefahaman pelajar lisan mempunyai wacana (Roselan Baki, 2003). Hal ini demikian kerana interaksi lisan berperanan meningkatkan keyakinan dan kecekapan dalam kemahiran lisan. Kajian interaksi lisan yang dikaji oleh Seman Salleh (2018) mula dikaji dari awal pada tahun 70an hingga sekarang. Kajian lisan ini mendapat perhatian daripada para pengkaji. Kajian yang banyak menjadi perhatian dan tumpuan kepada perbualan dan percakapan guru dan pelajar (Flanders, 1970; Sinclair & Coulthard, 1975; Mehan, 1979).

Interaksi lisan dalam pengajaran di kuliah pula mempengaruhi minat pelajar dan memahami isi kandungan pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah (al-Ghazali t.th.; Kane, Sandretto & Heath., 2004; Wood, L.N. & Harding, A., 2007; Sahandri G.Hamzah& Hafidah Mohamad, 2008; Nor Shafrin Ahmad *et al.*, 2009; Abdull Sukor Shaari, 2010; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Rafizah Mohamed Salleh, 2011; Wan Norina Wan Hamat & Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, 2012; Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron, 2012; Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah, 2013). Pensyarah dikenali sebagai tenaga pengajar yang mahir memberi penerangan dalam kuliah. Penyampaian lisan dalam kuliah memerlukan kreativiti pengajaran supaya tidak menunjukkan PdP berlangsung dengan interaksi sehala sahaja.

Pelaksanaan PdP yang dilaksanakan di IPG mengikut garis panduan Pelaksanaan Amalan Profesional yang mempunyai dua fasa dan selama dua belas minggu bagi setiap fasa. Pelaksanaan Fasa 1 memberi pendedahan kepada pelajar komponen tema pengajaran. Fasa 2 pula memberi pendedahan pemantapan pengajaran mengikut keperluan pelajar untuk praktikum. Pelaksanaan pengajaran fasa 1 dan fasa 2, pensyarah menggunakan komponen Rancangan Mengajar kursus (RMK) untuk membimbing pelajar berdasarkan mengikut format yang ditetapkan oleh IPG. Dalam persediaan pengajaran dan bahan pengajaran, pensyarah perlu menitikberatkan kepada tiga fasa seperti permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup dalam pengajaran.

Permulaan pengajaran pensyarah merupakan peringkat awal pelaksanaan interaksi lisan dalam pengajaran yang berperanan mencetuskan kefahaman awal dalam kalangan pelajar malahan berkemampuan memberi impak kepada nilai penghayatan pelajar. Kaedah ini juga mampu membantu pelajar untuk memberi tumpuan, mengingat, mengekalkan ingatan dan mengaplikasikan dalam amalan seharian (Mohd Anuar, 2015). Berdasarkan Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), strategi perancangan pengajaran adalah penting untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar-pelajar terhadap pembelajaran melalui teknik soal jawab serta membimbing mereka supaya bersedia untuk meneruskannya secara kendiri. Perancangan yang baik memerlukan jalinan yang seiring dengan pembentukan objektif yang jelas, tepat dan menyeluruh.

### **Teknik Interaksi Lisan (Roselan Baki, 2003)**

Teknik lisan merupakan teknik utama yang digunakan oleh seorang pendidik dalam penyampaian pengajarannya (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Teknik pengajaran membolehkan pelbagai rangsangan digunakan dan dapat membantu menarik perhatian pelajar dan menyampaikan kuliah yang dirancang. Selain itu, teknik pengajaran juga merupakan langkah pertama bagi memastikan pelajar bersedia dari segi mental, emosi dan fizikal. Pensyarah perlu menguasai cara penyampaian kuliah mempunyai teknik agar dapat dilihat dan didengar, membina pengajaran dengan bahan audiovisual, maklum balas dari pelajar, memberikan banyak contoh, memberi penekanan terhadap hubung kait, praktik, praktik, praktik (latihan yang berterusan) dan cara menutup kuliah (Kamarul Azmi Jasmi, 2015). Beliau lagi, teknik interaksi lisan dalam kuliah boleh menjadi lebih berkesan apabila ada hubungan dua hala antara pensyarah dengan pelajar dalam PdP. Teknik penyampaian yang paling dominan berlaku kini adalah dengan cara penyampaian kuliah itu disusun dan disampaikan dengan baik.

Kajian ini menggunakan Teknik Interaksi Lisan yang diketengahkan oleh Roselan Baki (2003). Sembilan teknik interaksi lisan tersebut adalah seperti berikut:

1. teknik interaksi penerangan
2. teknik interaksi penyoalan
3. teknik interaksi kawalan
4. teknik interaksi arahan
5. teknik interaksi penggiliran
6. teknik interaksi pengulangan
7. teknik interaksi pencungkilan idea
8. teknik interaksi perbincangan
9. teknik interaksi penilaian

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini lebih menekankan konteks sosial yang mengkaji aspek pendapat, pengalaman, dan pemahaman pengkaji dengan peserta kajian secara mendalam. Kajian kualitatif dikaji secara terperinci ke atas satu unit sosial seperti individu, kelas, institusi pengajaran, peristiwa, program dan aktiviti dalam satu tempoh masa (Akhiar Pardi, Samsina Shamsuddin, 2010). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian kes penilaian berdasarkan kesesuaian objektif kajian. Oleh itu, kajian ini berfokus terhadap teknik interaksi lisan dalam kalangan pensyarah bahasa Melayu di IPG. Tujuan kajian kes dilaksanakan untuk mengetahui latar belakang serta interaksi suatu unit sosial sama ada melibatkan individu, kumpulan, institusi atau komuniti (Sidek Noah, 2012) dan mencari pendekatan terbaik mendapatkan penyelesaian individu (Muhammad Muda, 2003:3). Kajian ini hanya melibatkan empat orang pensyarah sebagai peserta kajian. Seterusnya kajian ini ditranskripsikan ke dalam bentuk bahan bertulis untuk memudahkan proses analisis data kajian. Transkripsi data dilakukan secara verbatim, iaitu menyalin setiap perkataan yang diujarkan oleh peserta kajian.

Proses menganalisis data kajian ini menggunakan perisian *NVIVO 12 Qualitative Data Analysis Software* bagi menentukan tema kajian yang sesuai. Data yang bersumberkan temu bual diteliti bagi memastikan kesemuanya dianalisis dengan mencukupi dan mampu menjawab persoalan kajian yang ditentukan. Selain itu, terdapat beberapa teknik yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengenal pasti tema dan sub tema kajian, iaitu menggunakan teknik berdasarkan perkataan pengulangan perkataan dan kata kunci (Noraini Idris, 2013). Selain itu, pengkaji turut meneliti pengulangan perkataan dan idea oleh subjek-peserta kajian serta meneliti kata kunci tertentu yang terdapat dalam teks temu bual peserta kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Pengkaji telah menganalisis maklumat yang disampaikan oleh peserta kajian. Secara keseluruhannya, peserta kajian ini memahami tentang interaksi lisan yang dilaksanakan yang meliputi sembilan teknik. Pengkaji juga ingin mengetahui pemahaman interaksi lisan dalam kalangan pensyarah secara umumnya sebelum mengkaji lebih mendalam teknik interaksi lisan. Pemahaman interaksi lisan peserta kajian mempunyai pelbagai pandangan, persepsi dan maksud. Pandangan keempat-empat peserta kajian terhadap kefahaman interaksi lisan seperti berikut:

### ***PK1***

- i. *Interaksi lisan membabitkan dua perkara iaitu pertuturan dan pendengaran. Sebut sahaja lisan itu asasnya. Dalam mengajar murid, kemahiran ini tidak lari iaitu lisan, bacaan dan tulis. Pensyarah selalu menggunakan kuliah*

menerangkan dan berbincang serta ada penilaian yang disertai juga pengembangan idea. Mereka ini dapat kembangkan idea.

- ii. Lisan ini kita lihat dua iaitu tutur dan dengar. Dengar tu apabila kita beri mereka arahan yang jelas. Jika tidak tepat, arahan kita mereka akan beri jawapan berbeza. Kemudian tutur, apa yang saya tuturkan apa yang penting saya minta mereka beri pandangan untuk suburkan kemahiran lisan ini. Lisan ni asas. Jika pertuturan peringkat tertinggi melibatkan konsep, beri pandangan, berikan konsep kemudian yang tertinggi boleh berdebat.

(TB, PK1)

**PK2**

- i. Interaksi lisan ini bukan ada komunikasi sahaja. Interaksi lisan ini melibatkan pemahaman masing-masing. Pandangan saya, berbeza dengan pandangan orang lain. Mungkin pandangan saya interaksi lisan ini oleh ada kefahaman dalam pengajaran. Disitu apa yang kita cakap pelajar faham dan kefahaman dari reaksi dia, cara mereka beri jawapan, soal jawab dengan mereka. Interaksi lisan ini murid faham apa yang kita sampaikan dan tidak berlaku salah faham.
- ii. Bukan itu sahaja, kita mencuba mencari kelebihan dan kekurangan pelajar dengan soal jawab dan menyelesaikan melalui pemerhatian supaya mereka ini dapat menguasai topik pengajaran dengan baik. Pensyarah perlu kreatif dengan cara dan gaya pengajaran.

(TB, PK2)

**PK3**

- i. ... begini pembelajaran di IPG ini adalah pembelajaran kepada bakal guru. Mereka ini pelajar yang akan memberikan ilmu dan berkerja sebagai guru di sekolah di luar sana. Begitu pula bila tamat kelas saya buat penilaian dengan bersoal jawab pula.
- ii. Interaksi lisan perkara paling mudah dilakukan seperti memberi penerangan. Pensyarah akan sampaikan ilmu bergantung kreativiti masing-masing. Ada menerang, bercerita, berjenaka, bertanya pendapat. Jadi interaksi lisan ini bermaksud kemahiran bertutur, kita bercakap menggunakan bahasa untuk komunikasi. Cara kita berkomunikasi berkaitan bercakap, arahan, beritahu, bercerita, bertanya. Itu interaksi lisan.

(TB, PK3)

**PK4**

- i. Interaksi lisan melibatkan bahasa percakapan. Ujaran kita gunakan semasa bercakap sehari-hari. Lisan melibatkan kesantunan bahasa panggilan kita, nada, intonasi pengajaran. Jadi interaksi lisan tergolong ada dengar dan tutur.
- ii. Kita menggunakan komunikasi kita dan pendengaran kita. Konteks pengajaran, pensyarah juga membawa maklumat kepada pelajar. Pelajar mesti ada interaksi seperti perbincangan dalam kuliah dan pensyarah pula selalu membuat perangan. Pensyarah bertutur pelajar mendengar.

(TB, PK4)

Pada pendapat PK1, interaksi lisan melibatkan dua perkara penting dalam kemahiran bahasa terutamanya dalam kemahiran lisan. Kemahiran utama dalam pengajaran adalah kemahiran lisan yang melibatkan kemahiran dengar dan tutur. Dalam elemen kemahiran lisan terdiri daripada interaksi lisan yang melibatkan pertuturan dan pendengaran. Setiap bentuk interaksi arahan yang diberi oleh pensyarah seperti tugas atau penerangan akan dapat difahami dengan jelas. Selain itu, interaksi lisan melibatkan

ujaran yang diberikan sama ada dalam bentuk maklum balas pelajar terhadap topik pengajaran. Pendapat PK2, menjelaskan bahawa pemahaman interaksi lisan melibatkan kefahaman pelajar menerima maklumat PdP daripada pensyarah. Pemahaman pelajar dalam topik pengajaran dapat dilihat apabila berlakunya interaksi soal jawab dan perbincangan bersama pensyarah. Penerangan yang dijelaskan oleh pensyarah dapat dinilai dengan dari bahasa lisan dan bukan lisan yang disampaikan dengan melibatkan gaya bahasa tubuh pelajar.

Seterusnya, kefahaman interaksi lisan yang dijelaskan oleh peserta kajian PK3 dan PK4 berkaitan dengan kreativiti pensyarah dan kesantunan dalam menyampaikan maklumat. Pandangan PK3, interaksi lisan yang melibatkan aktiviti mengujarkan pandangan dan memberi penerangan. Pendapat PK3 menjelaskan bahawa pensyarah banyak menggunakan seni bahasa seperti berjenaka, bertanya, bercerita serta memberi arahan.

Oleh itu, interaksi lisan juga turut memainkan peranan yang penting dengan adanya unsur kesantunan dalam bahasa antaranya nada, intonasi dan sebutan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pensyarah mempunyai pemahaman interaksi lisan dan teknik interaksi lisan yang sering diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pemahaman interaksi lisan penting agar kemahiran bahasa pensyarah iaitu; lisan dan bertutur dapat menyampaikan maklumat pengajaran dengan berkesan dan mempengaruhi kefahaman pelajar. Dapatkan kajian ini selari dengan pandangan yang dilaksanakan oleh Roselan Baki (2003) juga turut menyatakan bahawa interaksi lisan menjadi medium penyampaian ilmu yang utama dalam pengajaran dan mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pengajaran pensyarah di IPG mengaplikasikan interaksi lisan .Dalam konteks pengajaran, interaksi lisan pensyarah mempunyai pengaruh yang besar untuk menyampaikan maklumat dan menyalurkan informasi yang berguna untuk melahirkan modal insan.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat peserta kajian ini menguasai elemen komunikasi dalam pengajaran dengan adanya interaksi dua hala antara pensyarah dengan pelajar di IPG. Pensyarah melaksanakan pendekatan pengajaran, kaedah, strategi dan teknik pengajaran adalah selari dengan objektif pengajaran PdP. Elemen pengajaran diterapkan dalam objektif pengajaran berpandukan kepada panduan Rancangan Mengajar Kursus (RMK) pensyarah yang disediakan oleh KPM. Melalui dapatan kajian ini, jelas menggambarkan bahawa pensyarah memfokuskan kepada elemen pengajaran semasa sesi berinteraksi dengan pelajar. Hal ini demikian kerana, pensyarah perlu mahir dalam kemahiran berbahasa, tujuan topik pengajaran,penggunaan tajuk mudah, aktiviti, penggunaan bahasa yang baik, penyertaan murid, kemahiran mendengar dan bertutur, penguasaan tatabahasa dan kemahiran komunikasi yang baik.

Interaksi lisan berkait rapat dengan kurikulum pengajaran yang berteraskan kepada tujuan pengajaran dan objektif kajian agar hasil pembelajaran yang dirancang oleh pensyarah tercapai. Siti Hajar (2019) menyatakan bahawa aspek penting dalam komunikasi adalah untuk mempengaruhi orang lain dengan penyampaian maklumat, menyatakan pendapat dan meluahkan perasaan. Kemahiran ini perlu diterapkan dengan kemahiran bertutur supaya apa-apa yang disampaikan dan diujarkan mestilah adanya kesantunan berbahasa (Yahya Don, 2005) dan boleh disampaikan dalam medium bahasa lisan atau tulisan. Oleh hal demikian, kecekapan berbahasa berkait rapat dengan interaksi lisan yang menjadi aspek utama dalam berinteraksi sosial sehari-hari.

Amalan interaksi lisan kerap kali dilaksanakan dengan melalui aktiviti perbincangan dan soal jawab dalam kuliah. Pelaksanaan interaksi lisan ini membolehkan pensyarah menguji tahap kebolehan pelajar dan memberi peluang kepada mereka untuk berbincang, menyemak nota dan mengemukakan soal jawab kepada pensyarah. Melalui cara ini, topik pengajaran kursus dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Pensyarah juga mengenal pasti keupayaan pelajar dan penilaian melalui soal jawab di mana pelajar yang mempu menjawab dengan baik dan tepat dianggap menguasai topik pengajaran.

Dapatkan kajian ini mendapati implikasi kajian perlu diberi perhatian yang berterusan dan sewajarnya, iaitu meningkatkan keterampilan berkomunikasi dalam kalangan pensyarah. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat meningkatkan elemen komunikasi dan interaksi pensyarah dalam dunia pendidikan. Tambahan pula, kecekapan berbahasa dalam kalangan pensyarah merupakan salah satu transformasi Jabatan Pendidikan Tinggi dalam melahirkan modal insan yang bersahsiah tinggi, berdaya saing dan memupuk kemahiran insaniah kepada para pelajar. Justeru, interaksi penyoalan yang menggunakan soalan aras tinggi kurang digunakan dalam pengajaran. Dapatkan kajian mereka juga merumuskan guru-guru kerap menggunakan interaksi penyoalan yang digunakan oleh pensyarah menjadi platform untuk mengukur tahap pemahaman dan mengaplikasikan kemahiran berbahasa pelajar.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya menunjukkan, amalan pengajaran pensyarah perlu dijadikan panduan kepada pelajar IPG yang akan bergraduat dan melahirkan bakal guru di institusi pendidikan. Amalan pengajaran secara dua hala yang berteraskan interaksi lisan dengan kemampuan dan kebolehan setiap pelajar. Hal ini bertepatan dengan teknik interaksi lisan Roselan Baki (2003) yang menyatakan bahawa teknik interaksi lisan yang boleh mencapai penguasaan interaksi lisan yang baik apabila menggunakan teknik penyoalan, penerangan, arahan, kawalan, penggiliran, pengembangan idea, perbincangan, dan penilaian. Interaksi lisan pensyarah dalam kuliah mampu mencetuskan idea fikiran, berkongsi maklumat, pengalaman dan membincangkan isu-isu pendidikan terbaru. Oleh itu, interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran mampu menghasilkan suasana yang aktif dengan keyakinan pensyarah mengajar dan mengendalikan kuliah berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki.

## RUJUKAN

- Ahmad.N.S, Amzah.F & Rahimi.C.A. (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jil. 24, 125-142, 2009.
- Aziz.S.H. (2019). Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru (BPG) (2006), Panduan Budaya Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan Malaysia.Putrajaya.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya. *Standard Guru Malaysia* (2009), Putrajaya.
- Baki.R & Othman.Y (2007), Interaksi Lisan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Potensi yang Terabai, *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* (Volume15, No 2, 2007).
- Baki.R (2003). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, Shah Alam Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Embi, M. A. & Adun, M. N. (2010). *e-Pembelajaran di IPTA Malaysia*. Pusat Pembangunan Akademik UKM dan Jabatan Pengajian Tinggi, KPTM.
- Guet.T.M, (2013). Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Praktikum, *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 11, 2013.
- Idris.N (2013), *Penyelidikan dalam Pendidikan*, Edisi Kedua, MC Graw Hill Education, Kuala Lumpur

*Pemahaman Interaksi Lisan dalam Pengajaran Pensyarah Kursus Bahasa Melayu  
di Institut Pendidikan Guru*

- Jamian A.R & Othman.S (2013). Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013), 42-51
- Kadir. F.R & Hamzah.Z.A. (2017), *Bahasa antara dalam komunikasi lisan penutur melayu dan penutur bukan Melayu, International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 1-16.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya.
- Mahmood.Z, Alias.A & Said.N.E (2012). Perbandingan Kemahiran Generik Pelajar Opsyen Bahasa Melayu di Sebuah IPTA dan IPGM, *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* Vol. 4, No.1, Jan 2012, 82-95.
- Mansor.N.R. (2009), *Soalan dan Penyoalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*, Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan, Strikeway Sdn.Bhd. Serdang, Selangor.
- Muda.M. (2003). *Apa Itu Kajian Kes?* Kertas Kerja. Dibentangkan di Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri I. Universiti Sains Islam Malaysia. 5-6 Mac.
- Noah.S.M. (2012). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Univerisiti Putra Malaysia
- Rahim.N.A &.Rahim N.A. (2014). Strategi komunikasi lisan secara formal dalam kalangan pelajar kejuruteraan. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 382-388
- Rahim.N.A.(2016). *Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia
- Salleh.S. (2018). Kajian-kajian Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran, *Jurnal IPBA*, Jilid 3; Bilangan 2, 114-120.
- Santrock, J. (2008). *Educational psychology* (3rd ed.). New York: Mc-Graw Hill.
- Siong.T.L. (2013), *Budaya dan Pembelajaran*, FH FreeMind Horizons Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Zakaria.N.S & Azmi.N.A. (2019), *Amalan kemahiran komunikasi bukan lisan dalam pengajaran Bahasa Arab Melalui Medium Youtube*, Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN) 2019, KUIS.